

Soalan Lazim

Sembunyikan Semua

Apakah Peranan JPS Wilayah Persekutuan Putrajaya?

JPS Wilayah Persekutuan Putrajaya bertanggungjawab dalam tadbir urus kebersihan dan pemuliharaan saliran Anak Sungai Gajah di Presint 9, Presint 11 dan Sungai Limau Manis Presint 19 daripada risiko banjir dengan

Adakah JPS Wilayah Persekutuan Putrajaya berperanan sebagai Ibu Pejabat bagi Jabatan Pengairan dan Saliran?

Tidak, JPS Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya mentadbir urus di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja. Jabatan Pengairan Saliran Malaysia adalah Ibu Pejabat JPS dan boleh dihubungi dengan melayari

Apakah skop kerja yang terlibat dalam program pemuliharaan sungai JPS WP Putrajaya?

- Pemotongan rumput dan pembersihan tebing;
- Kerja-kerja menstabilkan tebing sungai;
- Penyelenggaraan aset tak alih.

Bagaimana hendak membuat aduan ke Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)?

Sebarang aduan boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di capaian <https://water.spab.gov.my/eApps/system/index.do>

Adakah JPS bertanggungjawab terhadap masalah bekalan air paip?

Masalah berkaitan bekalan air paip adalah di uruskan oleh pihak berkuasa bekalan air di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah Pengurusan Air

Di mana harus saya adukan masalah saliran atau banjir kilat di taman perumahan tempatan? —

Aduan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Perbadanan Putrajaya. Seksyen 50 Akta Jalan, Parit dan Bangunan pindaan 193 (Akta A867) menyatakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Kepada siapakah saya mengadu tentang masalah-masalah pencemaran sungai? —

Aduan mengenai pencemaran sungai boleh dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pihak JPS bertanggungjawab membuat penyelenggaraan ke

Adakah JPS WP Putrajaya bertanggungjawab menyelenggara On Site Detention / Kolam Takungan di Putrajaya? —

Penyelenggaraan On Site Detention dan Kolam Takungan adalah dibawah PBT iaitu Perbadanan Putrajaya.

Apakah Peranan JPS Wilayah Persekutuan Putrajaya Di dalam One Stop Center (OSC) Perbadanan Putrajaya? —

Penasihat teknikal bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Putrajaya terutamanya bagi pembangunan yang melibatkan saliran dan sungai dan memastikan mengikut Garis Panduan JPS Malaysia.

Apakah sistem yang terdapat di dalam portal JPS untuk mendapatkan maklumat dan pemantauan amaran hujan serta aras air semasa? —

Maklumat dan pemantauan amaran hujan serta aras air semasa boleh diperolehi melalui capaian <http://publicinfobanjir.water.gov.my>

Apakah skop kerja yang terlibat dalam program pemuliharaan sungai JPS WP Putrajaya? —

- Pemotongan rumput dan pembersihan tebing;
- Kerja-kerja menstabilkan tebing sungai;
- Penyelenggaraan aset tak alih.

Bagaimanakah cara yang digunakan oleh JPS WP Putrajaya untuk mengambil data hujan? —

Sistem Telemetry : Data diceraip dan dihantar secara data nyata serta atas talian. Data-data ini digunakan untuk membuat pemantauan, ramalan amaran banjir dan juga disimpan di pengkalan data sektor awam.

Berapakah lebar rizab sungai bagi permohonan sesuatu lot yang bersempadan dengan sungai?

Lebar rezab sungai yang diperlukan oleh pihak Jabatan Pengairan Saliran (JPS) semasa sesuatu permohonan sesebuah lot dikemukakan adalah bergantung kepada lebar sungai sediaada.

Lebar Sungai	Lebar Rizab Di Kiri dan Kanan Tebing
Lebih daripada 40 meter	50 meter
20 meter – 40 meter	40 meter
10 meter – 20 meter	20 meter
5 meter – 10 meter	10 meter
Kurang daripada 5 meter	5 meter

Bagaimanakah cara untuk memohon penempatan Latihan Industri di JPS WP Putrajaya?

Permohonan boleh dikemukakan secara bersurat atau emel kepada Ibu Pejabat JPS terlebih dahulu melalui Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jalan Sultan

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil pihak kontraktor yang berminat untuk memasuki tender/ sebutharga kerja JPS WP Putrajaya?

- Bagi syarikat-syarikat yang berminat memasuki tender/sebutharga kerja JPS hendaklah memastikan telah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / CIDB dan memperoleh sijil Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkenaan serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sekiranya berkenaan. Syarikat juga hendaklah memastikan sijil-sijil pendaftaran berkenaan masih berkuatkuasa.